

جurnal قنديقن اسلام

Jurnal

PENDIDIKAN ISLAM

Jilid 3 Bil 1 April 1990/Ramadhan 1410 KDN 47/7/88 ISSN 0127-5453 Harga \$5.00

KETUA PENGARANG

Dr. Ghazali Basri

SIDANG PENGARANG

Dr. Abdul Rahman Kurais

Dr. Nik Aziz Nik Pa

Dr. Abdul Halim El-Muhammady

Ahmad Muhamad Said



انگkاتن بليا اسلام مليسيا

Diterbitkan Oleh

ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA (ABIM)
10-4, Right Angle, Jalan 14/22, 46100 PETALING JAYA
Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Tel No: 03-756 8618
Fax No: 03 - 756 4657



PENGAJIAN PONDOK MENEMPUH ERA PEMBAHARUAN

Umum telah mengakui akan pentingnya peranan sistem pengajian pondok di dalam mengekal, menyebarkan serta mendidik masyarakat Islam. Dari pondok-pondoklah lahirnya tokoh Sheikh, tok guru - para alim ulama yang menjadi tonggak ketahanan umat di sepanjang zaman. Sejak awal kurun ke-17 lagi beberapa buah pondok terutamanya di Kedah, Pulau Pinang, Kelantan dan Terengganu telah menjadi pusat-pusat pengajian (centre of learning) terkemuka. Sistem pengajian pondok telah mula terjejas dengan bermulanya sistem pengajian madrasah. Kelahiran madrasah, umpamanya al-Masyhur al-Islamiyah di Pulau Pinang, Sekolah al-Hadi di Melaka, Madrasah Idrisiah di Perak, Madrasah Muhammadiyah di Kelantan, Madrasah Sultan Zainal Abidin di Terengganu dan Madrasah Alawiyah di Perlis telah benar-benar menggugat kedudukan institusi pendidikan pondok disebabkan para pelajar yang bakal memasuki pondok-pondok telah teralir sebahagian besarnya kepada madrasah-madrasah. Di dalam keadaan yang sebegitu rupa, masih wujud juga beberapa buah pondok, walaupun di dalam keadaannya yang lemah dan serba kekurangan. Di satu segi sistem pengajian pondok masih perlu dikekalkan oleh kerana sistem pengajian tersebut mampu melahirkan peribadi-peribadi unggul sebagai tok guru. Di satu segi lain, kita harus mempersoalkan aspek-aspek fizikalnya: pengurusan dan pentadbiran, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dipakai, pendedahan kepada persoalan semasa, keupayaan para guru dan pelajarnya di dalam memahami realiti dan perubahan masyarakat. Kesemuanya ini akan menjadi pertimbangan kita, apabila kita bercakap mengenai pendidikan. Langkah yang diambil umpamanya oleh Yayasan Islam Kelantan bagi penubuhan sebuah pondok moden di Bachok, dan Markas Pengajian Islam di Kemaman oleh Kerajaan Negeri Terengganu adalah merupakan satu usaha pembaharuan untuk memperbaiki dan memperkemaskini sistem pengajian tradisional yang pernah wujud di tanah air ini. Sejauh mana aspek-aspek tradisionalnya masih dapat dikekalkan, terpulanglah kepada pihak-pihak yang membuat dasar untuk menentukannya. Tetapi apa yang telah menjadi hakikat ialah: sistem pengajian pondok, mahu tidak mahu terpaksa menerima pembaharuan jika sekiranya ia mahu diteruskan.

Ketua Pengarang